



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA  
ANUGERAH PINGAT TUNKU**

**9 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

**11.00 PAGI**

**HOTEL PULLMAN, KUALA LUMPUR CITY CENTRE**

**Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan  
Salam Malaysia MADANI.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

*\*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

## **PENDAHULUAN**

1. Pada pagi ini, kita berkumpul untuk **meraikan anak-anak Malaysia yang telah berjaya memenangi Pingat Tunku Abdul Rahman.**
2. Sebagai satu usaha dalam memartabatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara, **Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR)** telah memperkenalkan satu anugerah khas kepada graduan cemerlang Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA).
3. Untuk makluman semua, anugerah ini dinamakan **Anugerah Pingat Tunku** dan ia telah diperkenalkan pada tahun 1979 dengan ditawarkan kepada graduan ijazah sarjana muda cemerlang IPTA yang bergraduat dengan Kepujian Kelas Pertama. Selain itu, anugerah ini juga diberikan kepada

**graduan yang menunjukkan ciri-ciri kepimpinan dan nilai-nilai murni Almarhum Tunku Abdul Rahman, Bapa Kemerdekaan kita.**

4. Memetik kata-kata Tunku Abdul Rahman ketika perisytiharan kemerdekaan negara: "Mulai 31 Ogos 1957, (kita) akan menjadi sebuah negara berdaulat dan demokratik untuk selama-lamanya, yang dibina berdasarkan prinsip kebebasan dan keadilan serta sentiasa memperjuangkan kebijakan dan kesejahteraan rakyatnya."
5. Tunku Abdul Rahman dari awal lagi menekankan kepada perpaduan, meneliti sejarah terdahulu usaha beliau untuk mendapatkan kemerdekaan negara turut disokong oleh beberapa pemimpin lain seperti Tun VT Sambanthan dan Tun Tan Cheng Lock.
6. Kesemua pelaksanaan program di bawah YTAR ini adalah manifestasi kepada aspirasi Tunku dalam memperjuangkan kesejahteraan dan merancakkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia berbilang bangsa dan agama.
7. Melalui anugerah ini, ia bukan sahaja mengiktiraf pencapaian para pelajar tetapi juga membawa harapan dan keyakinan Tunku untuk **menjadikan wawasan beliau menjadi realiti untuk masa depan negara Malaysia.**

8. Suka ingin saya kongsikan bahawa para pemenang akan menerima hadiah berupa wang tunai serta geran seperti berikut :

- **Pemenang Anugerah Pingat Tunku (Emas)** – Wang tunai dan geran berjumlah RM20 ribu;
- **Pemenang Anugerah Pingat Tunku (Perak)** – Wang tunai dan geran berjumlah RM14 ribu; serta
- **Pemenang Anugerah Pingat Tunku (Gangsa)** – Wang tunai dan geran berjumlah RM10 ribu.

### **PEMENANG ANUGERAH PINGAT TUNKU TAHUN 2022**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Sukacita saya ingin memperkenalkan pemenang-pemenang Anugerah Pingat Tunku pada hari ini:

- **Saudari Durra Nur Nazeera binti Roslaili daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA)**
- **Saudara Ng Yong Ming daripada Universiti Malaya (UM)**
- **Saudara Razman Durhan daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS)**

10. Ketiga-tiga pemenang pada hari ini telah **berjaya memberi impak positif kepada komuniti daripada sudut kesukarelawanan, perancangan ekonomi, teknologi dan pembelaan hak serta suara siswa**. Pencapaian inilah yang melayakkan mereka untuk menjadi penerima anugerah pada tahun ini.

### **MEMPERKASAKAN BELIA**

11. Melalui inisiatif seperti anugerah ini, kita dapat memberikan peluang terhadap pelajar dari pelbagai latar belakang, bidang dan potensi, untuk **menjalankan projek mereka kepada komuniti melalui pemberian geran**.

12. Ketika ini, YTAR telah menjadikan pelbagai insiatif untuk memberikan akses kepada pelajar dalam pemerkasaan pendidikan tinggi antaranya ‘Closing The Gap’, iaitu sebuah program bimbingan akses pendidikan tinggi untuk pelajar sekolah menengah. Dengan ini, saya ingin umumkan bahawa kesemua **penerima Anugerah Piala Tunku diiktiraf sebagai mentor perdana bagi program Closing The Gap**.

13. Saya berharap untuk melihat lebih ramai generasi muda melibatkan diri dalam usaha-usaha menyatukan komuniti. **Kementerian turut menyediakan pelbagai platform kepada belia untuk turut serta dalam menjayakan agenda**

**perpaduan negara melalui Kelab Rukun Negara, Sekretariat Rukun Negara, Yayasan Sukarelawan Siswa dan Jiran Muda KRT.**

14. Saya melihat anak-anak muda mempunyai pelbagai potensi dan bakat yang boleh diketengahkan. Oleh itu, sebagai pihak yang mempunyai pengalaman dan kepakaran, wajarlah kita bekerjasama dalam memberikan peluang dalam usaha membangunkan komuniti setempat.

## **PENUTUP**

Tuan-tuan dan Puan-puan,

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan sudi untuk memeriahkan majlis Anugerah Pingat Tunku pada hari ini.

16. Saya sangat berharap agar para penerima menghargai sebaik mungkin anugerah yang membawa nama besar ini dan menjadikan saudara saudari semua seorang insan yang amat berguna kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat, selari dengan bakat dan ciri-ciri kepimpinan unik yang anda miliki masing-masing.

Sekian, terima kasih.